

Perutusan
YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein
Pemangku Menteri Pengangkutan Malaysia

Sempena Majlis Perutusan Menteri Pengangkutan Tahun 2014

Tarikh : 27 Januari 2014 (Isnin)

Tempat : Dewan Siantan, Kompleks Persidangan Perbadanan Putrajaya

Masa : 2.30 petang

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Yang dihormati saudari/saudari Pengerusi Majlis

Yang Berhormat Dato' Aziz Kaprawi
Timbalan Menteri Pengangkutan

Yang Berbahagia Dato' Seri Long See Wool
Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan

Yang Berbahagia Dato' Yap Kin Sian
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) Kementerian Pengangkutan,

Yang Berusaha Puan Ruhaizah Mohamed Rashid
Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan) Kementerian Pengangkutan,

Setiausaha-Setiausaha Bahagian, Ketua-Ketua Jabatan, Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Terlebih dahulu, marilah kita sama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT, kerana berkat izin dan limpah kurnia-Nya, hari ini kita diberikan kesempatan dan ruang untuk sama-sama berada di dewan ini bagi menjayakan majlis yang cukup penting kepada seluruh warga MOT, pihak berkepentingan, serta seluruh rakyat Malaysia.

2. Saya gembira kerana Perhimpunan 1MOT pada pagi ini buat julung-julung kalinya telah disertai oleh ketua-ketua, pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan, yang bukan sahaja mewakili Jabatan dan Agensi di bawah MOT dari seluruh negara, tetapi juga melibatkan penyertaan daripada pihak industri serta rakan-rakan seperjuangan dalam bidang pengangkutan di negara ini. Justeru, bagi saya, perhimpunan ini amat bersejarah dan bermakna bukan sahaja bagi menilai pencapaian dan prestasi kita pada tahun lalu tetapi juga bagi meletakkan hala tuju baru untuk Kementerian ini pada tahun 2014. Saya juga menganggap perhimpunan ini sebagai tanda keakraban, kesatuan dan semangat setiakawan antara warga MOT dan pihak industri, serta agensi-agensi berkaitan dalam usaha mencapai visi dan misi MOT pada 2014 dan pada masa akan datang.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

3. 2013 merupakan tahun yang penuh dengan dugaan dan cabaran. 2013 menyaksikan negara berhadapan dengan pilihan raya umum paling sengit dalam sejarah. Negara juga terpaksa berhadapan dengan isu-isu keselamatan termasuk pencerobohan bersenjata di Lahad Datu serta bencana banjir besar di Kuantan dan Pahang. Selain itu, negara juga diuji dengan tragedi nahas bas terburuk dalam sejarah di Genting Highlands dan kemalangan udara di Kudat, Sabah. Sememangnya semua kejadian yang berlaku adalah ketentuan dan ujian daripada Allah SWT. Namun, kita perlu mengambil iktibar daripada setiap apa yang telah berlaku. Dalam hal ini, adalah menjadi tanggungjawab kita di MOT untuk mengambil langkah-langkah perlu bagi mengelakkan kejadian sama daripada berulang.

Kemalangan Bas di Genting Highlands

4. Tragedi bas terjunam di Genting Highlands melibatkan sebuah bas dengan muatan 53 orang penumpang pada 21 Ogos lalu. Tragedi yang menggemparkan negara ini adalah kemalangan jalan raya paling buruk pernah berlaku di negara ini. Seramai 37 orang disahkan terkorban, sementara 16 yang

lain cedera. Serentak itu, MOT melalui Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) telah menjalankan satu siasatan awal bagi mengenal pasti punca nahas. Hasil siasatan berkenaan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 September 2013. Di samping itu, MOT juga telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Bebas diketuai Tan Sri Lee Lam Thye untuk mengkaji cadangan penambahbaikan bagi mengelak risiko kemalangan sama berulang. Penubuhan Jawatankuasa yang bersifat bebas ini merupakan satu pendekatan Kerajaan dalam memastikan siasatan yang dijalankan adalah bersifat telus, benar dan diyakini. Inisiatif dan penambahbaikan yang diperkenalkan di Genting Highlands ini akan turut diperluaskan kepada semua kawasan berisiko tinggi yang lain di negara ini. Selain itu, JPJ telah menubuhkan satu seksyen baharu, iaitu Seksyen Pengurusan Profil Pemandu bagi menyimpan maklumat pemegang lesen memandu vokasional, termasuklah dari segi kesalahan lalu lintas yang dilakukan dan ianya boleh diakses oleh bakal majikan.

Kemalangan Udara di Kudat

5. Selepas itu, negara digegarkan dengan nahas pesawat MASWing yang terbabas dan merempuh sebuah rumah di Kudat, Sabah pada 10 Oktober lalu. Nahas tersebut berlaku ketika pesawat malang itu cuba mendarat di Lapangan Terbang Kudat. 2 nyawa terkorban manakala 4 lagi parah dalam nahas tersebut. Serentak itu, MOT telah mengarahkan Biro Siasatan Kemalangan Udara (BSKU) untuk mengetuai Jawatankuasa Kemalangan bagi menjalankan siasatan rapi untuk mengenal pasti punca nahas berkenaan. Laporan siasatan kemalangan tersebut dijangka dapat dikeluarkan pada pertengahan tahun 2014, dan akan didedahkan sepenuhnya kepada umum selepas itu.

Bot penumpang karam di Belaga, Kapit

6. Sebelum nahas udara di Kudat, berlaku tragedi bot penumpang karam di Long Dungan, Belaga, Kapit, Sungai Rajang, Sarawak pada 28 Mei 2013.

Tragedi ini telah mengorbankan 2 orang penumpang sementara seorang lagi masih hilang. Meskipun kemalangan ini bukanlah di bawah tanggungjawab MOT sebaliknya di bawah bidang kuasa Lembaga Sungai-Sungai Sarawak, namun dengan kerjasama Lembaga Sungai-Sungai Sarawak, siasatan Jawatankuasa Teknikal Khas yang dipengerusikan oleh Pengarah Laut Wilayah Sarawak telah mengenal pasti terdapat keperluan mendesak untuk menjalankan semakan semula ke atas standard reka bentuk bot dan feri penumpang. Sehingga kini, ia masih menggunakan standard minima konvensyen antarabangsa. Perkara ini akan mula diambil tindakan pada tahun 2014.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

7. Di sebalik pelbagai ujian dan cabaran yang terpaksa ditempuhi pada tahun lalu, MOT sebenarnya telah berjaya mencipta pelbagai kejayaan yang cukup membanggakan sepanjang tahun 2013. Kejayaan paling manis ialah memenangi kerusi International Maritime Organization (IMO) pada 29 November 2013 dan International Civil Aviation Organisation (ICAO) pada 1 Oktober 2013. Kemenangan Malaysia bagi kedua-dua kerusi ini membuktikan bahawa Malaysia berada di landasan paling kukuh dalam industri penerbangan dan maritim. Kemenangan ini juga bakal melonjakkan lagi kedua-dua industri ini ke tahap yang lebih tinggi sekali gus meletakkan Malaysia setaraf negara-negara maju yang lain. Ianya menyumbang kepada perkembangan pesat sektor-sektor lain dalam negara termasuklah sektor pelancongan sempena Tahun Melawat Malaysia 2014.

8. Bagi kerusi Majlis IMO, Malaysia berjaya memperolehi 125 undi daripada 170 ahli bagi kategori C untuk penggal 2014-2015. Kejayaan ini merupakan pencapaian dan pengiktirafan yang amat membanggakan negara sekali gus mencerminkan kegemilangan Malaysia dalam memainkan peranan bagi sektor maritim di pentas dunia. IMO adalah agensi di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal keselamatan

pelayaran dan pengoperasian kapal serta pencegahan pencemaran alam persekitaran marin.

9. Bagi kerusi ICAO pula, Malaysia berjaya memenangnya untuk penggal 2013-2016, bagi kategori bahagian III. Kejayaan ini merupakan satu pengiktirafan besar kepada industri penerbangan awam negara yang sekali gus dapat membantu usaha Malaysia untuk merebut tempat di Majlis Keselamatan PBB. ICAO adalah sebuah badan khusus di bawah PBB yang ditubuhkan pada 1944 untuk mempromosikan pembangunan dan keselamatan penerbangan awam di seluruh dunia. Pertubuhan ini merupakan forum kerjasama dalam bidang penerbangan awam di kalangan 191 negara ahli.

PENCAPAIAN DAN PERANCANGAN UNTUK SEKTOR DARAT, UDARA DAN MARITIM

(A) Sektor Darat

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

10. MOT sentiasa mendukung aspirasi YAB. Perdana Menteri dalam mentransformasi sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan. Bagi sektor darat, pelbagai inisiatif dan pendekatan telah dan akan dilakukan oleh MOT. Salah satu inisiatif yang telah dilaksanakan ialah 'Lesen Memandu Bersekuriti Tinggi' (LMBT). Ianya bertujuan meningkatkan ciri-ciri sekuriti pada lesen memandu, bagi mengelakkan pemalsuan lesen serta membendung ketirisan hasil Kerajaan. Ciri dwi-bahasa yang dimilikinya juga memudahkan ia diterima pakai di negara-negara 'Pejanji Konvensyen Geneva'. LMBT telah dilaksanakan di semua cawangan JPJ dan akan diperluaskan ke cawangan-cawangan pejabat pos seluruh negara secara berperingkat.

11. Selain itu, JPJ juga telah melaksanakan program 'Satu Komuniti Satu JPJ' (SKSJ), yang menumpukan usaha melesenkan pemandu kenderaan di kawasan

luar bandar dan pedalaman. Hal ini kerana masih ramai penduduk di kawasan bandar dan pinggir bandar belum memiliki lesen memandu, atau memandu tanpa lesen yang sah. Bagi memastikan semua pemandu khususnya golongan belia memiliki lesen memandu, program 'MyLESEN' berkonsepkan '*Government to Citizen*' akan diperkenalkan pada bulan April 2014. Program ini antara lain melibatkan latihan dan ujian lesen memandu motosikal kelas B2. Pada masa yang sama, JPJ juga telah menggubal semula 'Kurikulum Pendidikan Pemandu' (KPP) yang antara lain memperkenalkan latihan dan ujian bagi motokar transmisi automatik – Kelas D. KPP baharu ini akan dilaksanakan secara *pilot* pada tahun 2014.

12. Sementara itu, bagi memperhebatkan lagi gelombang kesukarelaan dan *social engagement*, JPJ telah menubuhkan 'Skuad Muda 1JPJ' (SM1JPJ), yang mana majlis pelancarannya telah saya sempurnakan semalam. SM1JPJ akan menggerakkan rakyat untuk membawa mesej keselamatan jalan raya, keamanan, perpaduan dan patriotisme. Ianya sejajar dengan matlamat JPJ untuk meningkatkan '*Perception of Being Caught*' (POBC) daripada 35 peratus kepada 75 peratus pada tahun 2020, dan menurunkan '*Fatality Index*' kepada 2.0 juga pada tahun 2020. Selain itu, SM1JPJ diharap dapat membantu kerajaan dalam memastikan semua golongan rakyat yang layak memiliki lesen memandu dilesenkan secara sah sekali gus memastikan pemandu di Malaysia adalah kompeten, dengan penerapan konsep kepatuhan kepada undang-undang dan sikap berhemah di jalan raya serta melahirkan belia yang aktif dan berwibawa, bersikap positif, berdisiplin dan berhemah tinggi.

13. Bagi meningkatkan lagi tahap penyampaian perkhidmatan JPJ, Kerajaan pada 21 November 2013, telah meluluskan perolehan sebanyak RM4.8 juta bagi penyediaan 12 buah lagi Kaunter Bergerak 1JPJ. Ketika ini, hanya terdapat 3 buah Kaunter Bergerak 1JPJ. 12 buah kaunter baharu ini akan menggunakan sistem 3G dan menyediakan perkhidmatan seperti pembaharuan lesen memandu dan lesen kenderaan motor (LKM), termasuk untuk mendapatkan

salinan dan gantian, semakan senarai hitam, pembayaran saman dan sebagainya.

14. JPJ juga akan menyediakan transaksi secara atas talian di bawah perkhidmatan 'MySIKAP'. Antara transaksi yang boleh dilakukan oleh orang awam adalah semakan rekod saman, bayaran saman, semakan senarai hitam JPJ, semakan maklumat kenderaan, permohonan 'Permit Lesen Memandu Antarabangsa' dan pembaharuan LKM. Ketika ini, 35 peratus urusan JPJ boleh dilakukan secara atas talian, dan JPJ mensasarkan 80 peratus urusan akan dapat dilaksanakan pada tahun 2014.

NKRA-UPT

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

15. Sejak tahun 2009, MOT bertanggungjawab menerajui 'Bidang Keberhasilan Utama Negara' (NKRA) bagi 'Pengangkutan Awam Bandar'. Sehingga Oktober 2013, kita berjaya melepasi sasaran dengan merekodkan hampir 430,000 orang warga Lembah Klang menggunakan pengangkutan awam pada waktu puncak setiap hari. Jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak 81.7% berbanding hanya seramai 236,412 orang pada tahun 2010.

16. Pada tahun 2014, sasaran telah dinaikkan kepada 500,000 orang. Bagi mencapai sasaran ini, inisiatif-inisiatif NKRA 'Pengangkutan Awam Bandar' akan terus dipergiat. Inisiatif-inisiatif tersebut antaranya pembukaan lebih banyak kemudahan '*Park 'n Ride*' di stesen-stesen LRT/KTM Komuter dan ERL, penyediaan laluan pejalan kaki berbumbung, memperluaskan jaringan perkhidmatan bas henti-henti, termasuklah perkhidmatan bas 'Go KL' dan menambah bilangan gerabak dan trek laluan perkhidmatan KTM Komuter. Selain itu, sebanyak 2,100 tempat meletak kenderaan telah ditambah untuk kemudahan pengguna pengangkutan awam.

17. Antara cadangan pembangunan yang dirancang pada tahun 2014 melalui inisiatif NKRA adalah cadangan tempat letak kenderaan bertingkat di stesen-stesen komuter di Klang, Nilai dan Rawang, serta pembinaan '*Park & Way Drop Zon*' bagi para penumpang keretapi di stesen-stesen komuter di Serdang, Dato' Harun dan Batu 3, Shah Alam. Kita mengharapkan trend peningkatan penggunaan pengangkutan awam ini akan berterusan, seterusnya mencapai sasaran utama NKRA 'Pengangkutan Awam Bandar', iaitu 750,000 orang warga Lembah Klang menggunakan pengangkutan awam pada waktu puncak setiap hari, menjelang penghujung tahun 2015.

(B) Sektor Udara

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

18. Bagi memastikan Malaysia mempunyai jaringan perkhidmatan pengangkutan udara komprehensif dengan dunia luar, Malaysia sehingga kini telah mempunyai aturan perkhidmatan pengangkutan udara dengan 101 buah negara. Daripada jumlah tersebut, Malaysia mempunyai aturan langit terbuka (*Open Skies*) dengan 20 buah negara. Untuk tahun 2013, Malaysia telah mengadakan rundingan udara dengan 13 buah negara iaitu Indonesia, United Kingdom, Australia, Greece, Paraguay, Korea Selatan, Azerbaijan, Sudan, Botswana, Sepanyol, Turki, Hong Kong dan Rwanda. Hasil rundingan udara tersebut, Malaysia berjaya memuktamadkan 'Perjanjian Perkhidmatan Udara' (*Air Service Agreement*) bersifat langit terbuka dengan United Kingdom. Untuk tahun 2014, Kementerian merancang untuk mengadakan rundingan udara dengan 15 buah negara strategik di rantau Eropah, Asia Tengah, Asia Timur dan Amerika Latin.

19. Dalam usaha untuk meningkatkan kedatangan pelancong ke Malaysia bagi tahun 2013, MOT dengan kerjasama erat syarikat-syarikat penerbangan negara telah berjaya meningkatkan kapasiti tempat duduk seminggu, daripada 91,151 (2012) kepada 109,072 (2013) dengan peningkatan sebanyak 17,921

(19.66%) bagi destinasi-destinasi di 6 buah negara. Negara-negara terbabit adalah China, Jepun, Korea Selatan, Taiwan, Australia dan India, seperti yang ditetapkan di bawah '*National Key Economic Area*' (NKEA) Pelancongan.

20. Kedatangan 'Tahun Melawat Malaysia 2014' pastinya akan memberi manfaat secara langsung kepada industri penerbangan negara. Dengan anggaran ketibaan 28 juta pelancong, syarikat-syarikat penerbangan dan operator-operator lapangan terbang merupakan pihak yang akan mendapat manfaat terbesar hasil daripada program Tahun Melawat Malaysia 2014 kali ini. Pada masa ini, KLIA hampir mencapai had kapasiti pengendalian penumpang iaitu 40 juta orang penumpang setahun. Melalui pembukaan KLIA2 tidak lama lagi, kapasiti KLIA akan dapat ditingkatkan kepada 85 juta orang penumpang setahun. KLIA2 merupakan sebuah terminal terbaharu yang turut memberikan kemudahan kepada penerbangan tambang murah. Ianya bakal memastikan KLIA lebih kompetitif berbanding lapangan terbang utama di rantau ini, seterusnya meletakkan Malaysia sebagai hab penerbangan serantau.

21. MAS, AirAsia dan AirAsia X juga telah meningkatkan kapasiti penerbangan, terutama bagi laluan ke Taiwan, India dan China. Ini termasuk membuka laluan-laluan baharu seperti Kota Kinabalu-Shanghai, Kuala Lumpur-Nanning dan Kuala Lumpur-Darwin. Selain itu, penyertaan MAS ke dalam '*OneWorld*' dan perancangan pembelian pesawat-pesawat baru oleh MAS, AirAsia dan Malindo Air juga dijangka akan meningkatkan lagi tahap kemudahan ke Malaysia. Kemunculan Malindo Air sebagai sebuah syarikat penerbangan *hybrid* pula telah mewujudkan persaingan yang sihat antara syarikat-syarikat penerbangan di Malaysia seperti MAS, Firefly, Berjaya Air, AirAsia dan AirAsia X. Dengan persaingan ini, setiap syarikat penerbangan akan berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik, dengan harga tambang kompetitif bagi menarik minat penumpang.

22. Bagi meningkatkan jaringan perhubungan rakyat Malaysia di pedalaman Sabah dan Sarawak, perkhidmatan penerbangan luar bandar (*Rural Air Services*

- RAS) yang disediakan oleh MASwings akan terus diperkukuhkan. Pada tahun lalu, MASwings menerima sebanyak 3 buah pesawat Twin Otter Model DHC6-400 bagi menggantikan pesawat Twin Otter yang lama. Manakala 3 buah lagi pesawat jenis sama dijangka diterima pada tahun ini. Pada tahun 2013, MASwings berjaya melebarkan sayapnya dengan menyediakan perkhidmatan bagi laluan ke rantau '*Brunei-Indonesia-Malaysia-Philippines East Asia Growth Area*' (BIMP EAGA) seperti Kota Kinabalu-Puerto Princesa dan Kota Kinabalu-Balikpapan. Manakala, bagi tahun 2014, MASwings merancang untuk menyediakan perkhidmatan bagi laluan Mulu-Bandar Seri Begawan.

23. Proses liberalisasi sektor pengangkutan udara, melalui rundingan udara dua hala dan serantau juga berjaya meningkatkan prestasi pengendalian penumpang dan kargo di lapangan-lapangan terbang di Malaysia. Bagi tempoh 9 bulan pertama tahun 2013, prestasi pengendalian penumpang telah meningkat sebanyak 17.08%, daripada 50.15 juta penumpang pada tahun 2012, iaitu kepada 58.72 juta penumpang dalam tahun 2013. Prestasi pengendalian kargo pula turut meningkat sebanyak 4.86% (32,292.63 tan metrik), daripada 665,037.72 tan metrik dalam tempoh yang sama tahun 2012, kepada 697,330.35 tan metrik dalam tahun 2013.

24. Untuk tahun 2014, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) menganggarkan prestasi pengendalian penumpang di semua lapangan terbang di Malaysia akan berkembang sebanyak 8.3%. Manakala prestasi pengendalian kargo pula dianggarkan meningkat sebanyak 3%. Bagi menyokong pertumbuhan trafik dan kargo, serta melicinkan pengurusan operasi dan pengendalian trafik udara, sistem pengurusan trafik udara sedia ada di Subang yang kini mencecah usia hampir 20 tahun bakal digantikan. Sebuah pusat pengurusan trafik udara baharu dengan kos sebanyak RM700 juta akan dibina di KLIA. Sistem baharu ini akan dapat meningkatkan pergerakan trafik udara, dari 68 kepada 108 pergerakan setiap jam melalui 3 landasan, di mana kapasiti pengendalian ini adalah antara yang tertinggi di dunia. Di samping itu, seperti yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2014,

Kerajaan juga akan menaik taraf beberapa lapangan terbang termasuk di Kota Kinabalu, Sandakan, Miri, Sibul dan Mukah, selain bangunan terminal di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi dan Lapangan Terbang Sultan Ahmad Shah, Kuantan.

25. Berhubung industri penerbangan negara, saya ingin memaklumkan bahawa MOT sedang memperkemaskan hala tuju penerbangan negara melalui Dasar Penerbangan Negara (National Aviation Policy-NAP). Dalam hal ini, MOT akan menjemput syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri penerbangan termasuk MAS, Air Asia, Firefly, Malindo dan pihak-pihak berkepentingan seperti MAHB untuk membincangkan perkara-perkara asas dan dasar mengenai perkara ini. Buat pertama kali syarikat-syarikat penerbangan negara ini bakal duduk semeja untuk berbincang mengenai kepentingan nasional khususnya dalam industri penerbangan meskipun mereka bersaing dalam industri tersebut.

(C) Sektor Maritim

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

26. Selain memenangi kerusi IMO, sektor maritim turut mencatatkan pelbagai kejayaan pada tahun 2013. Antaranya ialah memeterai Memorandum Persefahaman '*Integrated Technical Cooperation Program*' (MoU ITCP) di antara MOT dengan IMO. MoU ini membolehkan Malaysia menyumbang kepakaran dan menaja program-program terpilih dalam pembangunan modal insan bagi komuniti maritim antarabangsa di bawah koordinasi serta kerjasama dengan IMO.

27. Dalam tahun 2013, MOT telah meratifikasikan 3 konvensyen antarabangsa iaitu '*Maritime Labour Convention*' 2006 (MLC 2006), '*The Nairobi International Convention on the Removal of Wrecks*' 2007 (Konvensyen Nairobi 2007) dan '*The Protocol on Preparedness, Response and Co-operation to Pollution Incidents by Hazardous and Noxious Substances*' 2000 (Protokol OPRC-HNS

2000). Tindakan tersebut telah juga meningkatkan profil Malaysia di dalam meratifikasi dan melaksanakan instrumen antarabangsa yang penting berhubung dengan pelaut dan konservasi alam persekitaran marin. Bagi memperkemas struktur perundangan dan tadbir urus sektor maritim di Malaysia, peraturan domestik bagi 2 konvensyen antarabangsa yang lain iaitu '*The Wreck Removal Convention*' dan '*International Convention on Oil Pollution Preparedness, Response and Cooperation*' (OPRC) sedang dalam peringkat penyediaan.

28. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan sekalian, sektor maritim telah mengendalikan sebanyak 533.8 juta tan kargo sepanjang tahun 2013. Daripada jumlah tersebut, produk utama yang menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2012 adalah gas asli, minyak mentah, dan minyak sawit mentah. Ketiga-tiga komoditi ini, serta barangan elektrik sahaja telah menyumbang kepada hampir 60% nilai eksport negara, iaitu sebanyak RM417.3 bilion.

29. Jumlah kapal yang telah mengunjungi pelabuhan Malaysia pada tahun 2013 adalah melebihi 75,000 buah kapal, meliputi kapal jenis '*Very Large Crude Carrier*' (VLCC), kapal tangki, kapal kontena dan lain-lain lagi. Selain aktiviti import eksport barangan, pelabuhan-pelabuhan di Malaysia juga mengendalikan penumpang dan pelancong. Pada tahun 2013, transaksi ini melibatkan pengendalian seramai 15 juta orang penumpang. Jumlah tenaga kerja yang terlibat dalam sektor ini pula adalah seramai 200,000 orang pelaut.

30. Seperti kita sedia maklum, perkhidmatan bot dan feri merupakan pengangkutan utama rakyat di beberapa kawasan di negara ini. Justeru, perkhidmatan ini dikecualikan daripada dikenakan 'Cukai Barang dan Perkhidmatan' (*Goods and Services Tax -GST*) yang akan berkuatkuasa mulai 1 April 2015. Kerajaan juga masih mengekalkan subsidi diesel sebanyak 50 sen kepada pengusaha bot dan feri penumpang di Pulau Labuan, Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, Pulau Ketam, Pulau Tioman dan Pulau Redang. Langkah ini merupakan galakan kepada para pengusaha untuk terus memberi perkhidmatan bot dan feri yang terbaik kepada orang ramai. Program penyelenggaraan jeti dan

penyediaan kemudahan kepada golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) di jeti-jeti Persekutuan seluruh negara akan diteruskan pada tahun ini, dengan peruntukan sebanyak RM6.925 juta. Program dan kemudahan seumpama ini dilaksanakan bertujuan memberi lebih keselesaan dan keselamatan kepada para pengguna jeti penumpang, dan ia di bawah kendalian Jabatan Laut Malaysia (JLM).

31. Melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy - NBOS*), kerjasama dengan agensi-agensi lain akan dipergiatkan. Jabatan Laut Malaysia berperanan sebagai pembuat dasar dan badan pengawal selia (*regulator*), manakala Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Lembaga Sungai-Sungai Sarawak pula bertindak sebagai barisan hadapan (*front liner*) di dalam bidang penguatkuasaan. Strategi ini telah pun dijalankan dan membuahkan hasil positif, terutamanya dalam bentuk pungutan hasil Kerajaan dan pengeluaran kompaun kepada mereka yang melanggar peraturan yang ditetapkan.

32. Bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan dalam sektor maritim pula, MOT telah membangunkan '*Business Licensing Electronic Support System*' (BLESS), yang digunakan untuk permohonan Lesen Perkapalan Dalam Negeri (DSL). Melalui sistem ini, pemohon boleh menyemak status permohonan secara *real time*. Sistem ini telah siap dibangunkan pada 1 Januari 2014, dan sedang dalam fasa latihan kepada pengguna sistem. Sistem BLESS eDSL ini dijangka akan mula digunapakai sepenuhnya oleh para pemohon pada 1 Mac 2014.

33. Pada tahun lalu, MOT telah memperolehi sijil MS ISO 9001:2008 yang pertama untuk Kementerian ini, iaitu bagi prosedur pengeluaran DSL. Persijilan ini adalah piawaian antarabangsa berhubung kualiti dan standard yang seragam dalam sistem penyampaian perkhidmatan. Persijilan bagi pengeluaran DSL ini dilaksanakan untuk memastikan perkhidmatan yang diberikan dapat memenuhi kehendak pelanggan.

34. Di samping itu, kapasiti dan kemudahan pelabuhan juga akan dipertingkatkan bagi menampung pertumbuhan perdagangan. Pelbagai inisiatif telah dirancang untuk dilaksanakan, seperti pembangunan di kawasan tanah tebus-guna dan cadangan pembangunan pusat logistik bersepadu untuk syarikat-syarikat berkaitan petroleum di Pelabuhan Bintulu. Begitu juga projek perluasan Pelabuhan Kuantan. Tidak ketinggalan, projek serta program-program pembangunan dan peningkatan kapasiti di Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Klang, Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas.

KESELAMATAN JALAN RAYA

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

35. Bagi meningkatkan kesedaran terhadap keselamatan jalan raya di negara ini, Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) telah merangka pelbagai program untuk dilaksanakan sepanjang tahun 2014. Antaranya seperti Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) melalui mata pelajaran Bahasa Malaysia Tingkatan 3, program 'IM4RoadSafety' (IM4RS), Program Minggu Kesedaran Jalan Raya – Keselamatan Pejalan Kaki, kempen-kempen di media massa dan kerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan, swasta dan badan-badan bukan Kerajaan (NGOs).

36. Beberapa intervensi keselamatan jalan raya juga telah diperkenalkan sebagai usaha Kerajaan dalam mengurangkan kadar kemalangan. Antaranya adalah Pelancaran ASEAN '*New Car Assessment Program*' (NCAP) bagi fasa 1 dan 2 oleh MIROS, yang mendapat sokongan penuh daripada '*Global New Car Assessment Program*'. Piawaian antarabangsa dan implementasi organisasi perintis, untuk persijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Trafik Jalan Raya juga telah dilancarkan. MIROS juga telah melancarkan '*Safety Star Grading*' untuk Operator Bas, bagi memberi penarafan bintang terhadap keselamatan operasi syarikat bas di negara ini.

37. Selain itu, MIROS juga berjaya menempa nama dalam ‘*The Malaysia Book of Records*’ kerana berjaya membangunkan makmal pelanggaran berskala penuh pertama di Malaysia (*First Full Scale Crash Test Laboratory*). Pada tahun 2013, Malaysia melalui MIROS telah dipilih menjadi hos bagi satu persidangan bertaraf dunia iaitu, ‘*International Crashworthiness Conference 2014*’.

AUTOMATED ENFORCEMENT SYSTEM (AES)

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

38. Begitu banyak tuduhan dan tohmahan telah dilemparkan kepada Kerajaan berkaitan pelaksanaan ‘*Automated Enforcement System*’ (AES). Antara tuduhan tersebut termasuklah Kerajaan menswastakan tugas penguatkuasaan. Tuduhan ini tidak benar sama sekali. Sebaliknya, pihak kerajaan telah membuat keputusan supaya operasi 14 kamera AES sedia ada diteruskan, dan pelaksanaan AES diambil alih oleh Kerajaan melalui syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD). Bagi maksud tersebut, Kerajaan pada 2 September 2013 telah menubuhkan AES Solutions Sdn. Bhd. yang akan beroperasi sebagai sebuah “*full-fledged company*”.

39. Aktiviti penguatkuasaan dan pengoperasian AES akan dijalankan oleh pihak PDRM, manakala JPJ pula bertanggungjawab dalam penguatkuasaan sistem Keselamatan Jalan Raya (KEJARA) atau berkaitan penguatkuasaan mata demerit. Bagi menjadikan aktiviti penguatkuasaan lebih berkesan, sistem KEJARA telah ditambah baik. Sistem KEJARA yang baharu akan dilaksanakan pada tahun ini setelah kaedah mengenainya diwartakan. Selain itu, kadar kompaun bagi kesalahan-kesalahan di bawah sistem AES juga telah diselaraskan dengan kadar yang dikenakan oleh PDRM berkuatkuasa 18 September 2013. Bagi maksud ini, secara amnya kadar kompaun permulaan adalah sebanyak RM150. Ia bergantung kepada tahap keseriusan kesalahan tersebut, dan akan meningkat mengikut tempoh ianya dijelaskan. Kaedah ini menggunakan prinsip “*the more you delay, the more you pay*”.

SUBSIDI YANG DITANGGUNG OLEH KERAJAAN

(A) Subsidi Perkhidmatan Udara Luar Bandar (*Rural Air Services-RAS*)

40. Setiap tahun, Kerajaan menyediakan sejumlah peruntukan subsidi kepada operator perkhidmatan udara bagi kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak. Peruntukan ini adalah sebagai memenuhi tanggungjawab dan obligasi sosial Kerajaan dalam menyediakan kemudahan pengangkutan bagi penduduk luar bandar di Sabah dan Sarawak. Perkhidmatan pengangkutan udara ini adalah penting kerana ia menyumbang kepada peningkatan mobilisasi ekonomi dan sumber di antara kawasan pedalaman dan bandar di Sabah dan Sarawak. Pada tahun 2010, tanggungan Kerajaan bagi perkhidmatan RAS adalah sebanyak RM128.07 juta, manakala pada tahun 2011 pula adalah sebanyak RM118.03 juta. Bagi tahun 2012, jumlah tanggungan belum dimuktamadkan kerana semakan sedang dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara ke atas Penyata Untung Rugi MASwings Tahun 2012. Manakala untuk tahun 2013, Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM139.2 juta.

(B) Subsidi Operasi Tren Tidak Ekonomik di Wilayah Timur

41. Setiap tahun juga, Kerajaan menyediakan sejumlah peruntukan sebagai subsidi bagi menampung kerugian yang dialami oleh KTMB dalam menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan tren penumpang tidak ekonomik di Wilayah Timur. Pemberian subsidi ini bermula sejak tahun 1970-an di mana KTMB (dulunya dikenali sebagai Perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu) diminta menyediakan perkhidmatan tren penumpang di kawasan yang sukar mendapatkan perkhidmatan pengangkutan lain. Perkhidmatan-perkhidmatan tidak ekonomik tersebut adalah melibatkan 8 larian di laluan-laluan i) Tumpat-Gua Musang-Gemas; ii) Gemas-Gua Musang-Tumpat; iii) Tumpat-Gua Musang (2 tren); iv) Gua Musang-Tumpat (2 tren); v) Tumpat-Gemas; vi) Gemas-Tumpat.

42. Walaupun perkhidmatan laluan tersebut tidak menguntungkan, demi memenuhi obligasi sosial, Kerajaan telah mengarahkan KTMB supaya tidak menghentikan perkhidmatan di laluan-laluan berkenaan. Kerajaan juga bersetuju untuk menanggung kos kerugian yang dialami oleh KTMB. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan telah menyalurkan peruntukan untuk pembayaran subsidi kepada KTMB sebanyak RM41.16 juta pada tahun 2011, RM45.29 juta pada tahun 2012 dan RM40 juta pada tahun 2013.

PERANAN MOT DALAM MENANGANI ISU BERKAITAN KOS SARA HIDUP DAN KOS MENJALANKAN PERNIAGAAN

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

43. Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Menangani Kos Sara Hidup yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri. Terdapat beberapa jawatankuasa kerja yang telah ditubuhkan yang mana salah satu daripadanya adalah Jawatankuasa Kerja Pengangkutan. Saya difahamkan bahawa Jawatankuasa Kerja tersebut tidak melibatkan penerbangan awam, perkhidmatan feri dan logistik. Sebaliknya Jawatankuasa Kerja Pengangkutan tersebut tertumpu kepada pengangkutan awam darat yang mana dipertanggungjawabkan kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Sungguhpun begitu, MOT sentiasa bekerjasama dengan PEMANDU dan SPAD bagi menangani masalah peningkatan kos sara hidup yang dihadapi oleh rakyat. MOT sedang mengambil bahagian dalam Makmal Kos Sara Hidup yang dikendalikan oleh pihak PEMANDU mulai 15 hingga 29 Januari ini.

44. Memandangkan MOT dan agensi-agensinya mempunyai hubungan rapat dengan masyarakat, kita sentiasa bersedia untuk memberi maklum balas yang diperoleh daripada masyarakat kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya rungutan atau kesusahan yang dialami oleh masyarakat dapat diberi perhatian sewajarnya oleh Kerajaan dan seterusnya membantu Kerajaan dalam

menggubal dan melaksanakan dasar dan inisiatif yang bersesuaian serta memanfaatkan orang awam.

PERANAN MOT DI PERINGKAT ANTARABANGSA DAN PEMANTAPAN STRUKTUR ORGANISASI KEMENTERIAN

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

45. Tahun 2014 begitu signifikan kepada kita, kerana ia menjadi tahun persiapan menjelang kepengerusian ASEAN oleh Malaysia pada tahun 2015. Pada tahun 2015 juga, MOT akan mempengerusikan Mesyuarat Ke-21 Menteri-Menteri Pengangkutan ASEAN (21st ATM), dan Mesyuarat Ke-37 dan Ke-38 Pegawai-Pegawai Pengangkutan Kanan ASEAN (37th & 38th STOM). Sehubungan itu, persiapan substantif khususnya usaha-usaha untuk meratifikasikan protokol-protokol di bawah perjanjian-perjanjian strategik ASEAN, termasuk '*ASEAN Framework Agreement on the Facilitation of Goods in Transit*' (AFAFGIT) dan '*ASEAN Framework Agreement on the Facilitation of Inter-State Transport*' (AFAFIST) perlu diberi perhatian bagi tahun 2014 ini. Persediaan logistik yang rapi dan menyeluruh juga perlu dimulakan, bagi memastikan persidangan dan segala aktiviti yang dirancang dapat berjalan dengan lancar.

46. MOT akan terus memainkan peranannya untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang pengangkutan, khususnya dalam aspek-aspek *connectivity*, keselamatan pengangkutan, pemeliharaan alam sekitar, aplikasi IT dan teknologi hijau, dalam pelbagai mesyuarat tahunan berjadual dan tidak berjadual di peringkat antarabangsa. Bagi memantapkan lagi keupayaan MOT untuk mengkaji dan menggubal dasar-dasar berkenaan pengangkutan, perubahan pada struktur organisasi MOT telah dilakukan. Antaranya Bahagian Dasar dan Antarabangsa telah diwujudkan pada 22 Julai 2013. Turut terlibat dalam perubahan struktur tersebut adalah Bahagian Darat, yang kini dikenali sebagai Bahagian Darat dan Logistik.

HARAPAN TERHADAP WARGA MOT

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

47. Saya menyeru seluruh warga MOT untuk bersama-sama saya, bagi memperkasa Kementerian ini dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan, sejajar dengan agenda transformasi yang telah digariskan oleh Kerajaan. Untuk itu, tumpuan lebih harus diberikan kepada pembangunan keupayaan, melalui penekanan terhadap sikap positif yang bertunjangan amalan-amalan baik seperti integriti, ketelusan, kerja berpasukan, berdisiplin, tadbir urus yang baik dan nilai-nilai murni yang lain.

48. Selama lebih 8 bulan saya menerajui kementerian ini, saya amat berpuas hati dengan kesungguhan serta komitmen yang ditunjukkan oleh setiap warga MOT bermula daripada pentadbiran kanan sehinggalah kepada kakitangan bawahan. Selain itu, agensi-agensi di bawah MOT serta pihak-pihak yang berkepentingan turut menunjukkan prestasi yang membanggakan serta kerjasama yang sangat baik. Pada saat ini, saya bangga untuk menyatakan bahawa MOT kini i) berada di landasan yang paling mantap, ii) telah melaksanakan transformasi untuk setiap sektor termasuk Darat, Udara dan Maritim, iii) telah mempunyai hala tuju yang sangat jelas, serta iv) mendapat kerjasama yang sangat baik daripada pihak-pihak berkepentingan di luar MOT. Justeru, sudah sampai masanya untuk MOT terus melonjak, mencipta kejayaan yang lebih besar, memenuhi harapan dan kehendak rakyat, sekali gus merealisasikan misi dan visi MOT dalam menyediakan kemudahan dan sistem pengangkutan terbaik dunia.

49. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan ke majlis ini. Dalam kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga MOT, atas kerjasama dan usaha keras dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Semoga

kedatangan 2014 membawa lebih sinar kebahagiaan dan kejayaan kepada kita dan negara Malaysia yang kita cintai ini.

Sekian.